



CUKAI JUALAN 2018

**PANDUAN PENGECUALIAN CUKAI
JUALAN DI BAWAH BUTIRAN 5A,
JADUAL A PERINTAH CUKAI
JUALAN (ORANG YANG
DIKECUALIKAN DARIPADA
PEMBAYARAN CUKAI) 2018**

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Putrajaya
13 Julai 2021**

Penerbitan

Tarikh: 13 Julai 2021

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2020 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

1. PENGENALAN.....	2
2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI	1
3. TERMINOLOGI	1
4. SYARAT-SYARAT PENGECCUALIAN CUKAI JUALAN	3
5. TATACARA PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI JUALAN	4
6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB EJEN YANG DILANTIK	5
7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB FRANCHISE HOLDER, DISTRIBUTOR ATAU DEALER	6
8. LAMPIRAN	8

1. PENGENALAN

- 1.1 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No. 3) 2020 telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 dengan memasukkan Butiran 5A, Jadual A.
- 1.2 Pengecualian cukai jualan di bawah Butiran 5A diberikan kepada *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* yang diluluskan oleh Menteri ke atas kenderaan bermotor pengilangan tempatan termasuk motorsikal untuk dibekalkan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri melalui ejen yang dilantik.
- 1.3 Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri dalam memahami pengecualian cukai jualan di bawah butiran 5A selaras dengan dasar dan undang-undang yang berkaitan.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG DIGUNAPAKAI

- 2.1 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No. 3) 2020 telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 dengan memasukkan Butiran 5A, Jadual A.

3. TERMINOLOGI

Terminologi yang digunakan di dalam panduan ini adalah seperti berikut:-

- | | | | |
|-----|--|---|--|
| 3.1 | ACJ 2018 | : | Akta Cukai Jualan 2018 |
| 3.2 | Ejen Yang Dilantik | : | Mana-mana orang/syarikat yang telah dilantik oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk membuat pembelian kenderaan bermotor pengilangan tempatan |
| 3.3 | <i>Franchise Holder / Distributor / Dealer</i> | : | <i>Franchise Holder, Distributor</i> atau <i>Dealer</i> yang diluluskan oleh Menteri seperti yang tersenarai di Lampiran 1 surat MOF rujukan MOF.TAX(S)700-2/8/9(31) bertarikh 15 Mei 2020 dan surat MOF |

rujukan MOF.TAX(S)700-2/8/9(42)

bertarikh 20 Julai 2020.

- 3.4 Kenderaan Bermotor : Merujuk kepada takrifan Perintah Duti Kastam 2017 kod tarif kepala 8703 iaitu *Motor cars and other motor vehicles principally designed for the transport of persons (other than those of heading 87.02), including station wagons and racing cars* dan kod tarif 8702.10.6000 iaitu *motor cars (including stretch limousines but not including coaches, buses, minibuses or vans).*
- 3.5 PCJ(P) 2018 : Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018
- 3.6 Pengilang Berdaftar : Pengilang yang didaftarkan di bawah Seksyen 13 atau 14 Akta Cukai Jualan 2018
- 3.7 Portal MySST : Laman web rasmi cukai jualan dan cukai perkhidmatan
- 3.8 Vot Jabatan : Waran peruntukan perbelanjaan jabatan kerajaan persekutuan atau negeri

4. SYARAT-SYARAT PENGECUALIAN CUKAI JUALAN

- 4.1 Barang tersebut dibeli daripada pengilang berdaftar oleh *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* yang diluluskan oleh Menteri;
- 4.2 Barang tersebut adalah untuk dibekalkan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri di Malaysia melalui ejen yang dilantik;
- 4.3 Ejen yang dilantik memaklumkan secara bertulis kepada Pegawai Kanan Cukai Jualan : –
 - i. *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* yang diluluskan oleh Menteri bagi membeli barang tersebut daripada pengilang berdaftar;
 - ii. Barang tersebut adalah untuk dibekalkan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri;
 - iii. Barang tersebut dibekalkan pada harga tidak termasuk cukai jualan mengikut terma dalam kontrak;
 - iv. Barang tersebut hanya digunakan untuk tujuan rasmi oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri; dan
 - v. Kos barang tersebut dicajkan melalui vot jabatan yang terdapat dalam Anggaran Peruntukan Persekutuan atau Negeri dan tidak dibeli daripada sebarang sumber (dana) lain;
- 4.4 Permohonan sijil pengecualian oleh *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* yang diluluskan oleh Menteri tersebut perlu dikemukakan bersama dengan makluman bertulis seperti dinyatakan di para 4.3; dan
- 4.5 Apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

5. TATACARA PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN

- 5.1 Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri melantik ejen untuk membeli kenderaan bermotor pengilangan tempatan termasuk motorsikal.
- 5.2 Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri membuat surat lantikan ejen bagi tujuan pembelian kenderaan bermotor termasuk motorsikal.
- 5.3 Ejen yang dilantik hendaklah menyediakan surat makluman/ notis bertulis

seperti format di lampiran I dengan memasukkan maklumat seperti berikut:-

- a. Ejen yang dilantik
- b. Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri
- c. Kenderaan bermotor pengilangan tempatan termasuk motorsikal
- d. Rantaian pembekalan (senarai *Franchise Holder*, *Distributor* dan *Dealer* yang terlibat)

5.4 *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* yang terlibat mestilah seperti yang tersenarai di Lampiran 1 surat MOF rujukan MOF.TAX(S)700-2/8/9(31) bertarikh 15 Mei 2020 dan surat MOF rujukan MOF.TAX(S)700-2/8/9(42) bertarikh 20 Julai 2020.

5.5 *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* yang akan membeli daripada pengilang berdaftar hendaklah membuat permohonan sijil pengecualian di bawah Butiran 5A, Jadual A PCJ(P) 2018 secara manual.

5.6 Permohonan tersebut hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:-

- a. Borang permohonan
- b. Surat makluman/ notis bertulis daripada ejen yang dilantik
- c. Surat lantikan kerajaan kepada ejen yang dilantik

5.7 Sijil Pengecualian akan dikeluarkan secara manual oleh stesen mengawal.

5.8 *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* hendaklah mengemukakan sijil pengecualian semasa membuat pembelian daripada pengilang berdaftar.

6. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB EJEN YANG DILANTIK

6.1 Ejen yang dilantik hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Pegawai Kanan Cukai Jualan melalui *Franchise Holder*, *Distributor* atau *Dealer* yang akan memohon sijil pengecualian cukai jualan :-

- (i) Surat lantikan daripada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri; dan

- (ii) Surat makluman pembelian kenderaan bermotor oleh ejen yang dilantik untuk dibekalkan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri
- 6.2 Memastikan kenderaan bermotor itu dibekalkan pada harga tidak termasuk cukai jualan mengikut terma dalam kontrak;
- 6.3 Memastikan kenderaan bermotor itu diserahkan ke Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang berkenaan;
- 6.4 Menyimpan salinan Penyata Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Pembelian Kenderaan Bermotor Untuk Dibekalkan Kepada Ejen Yang Dilantik Oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang dikemukakan oleh *Franchise Holder, Distributor* atau *Dealer*; dan
- 6.5 Ejen yang dilantik hendaklah mengemukakan penyata tersebut untuk pemeriksaan sekiranya dikehendaki oleh pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa.

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB *FRANCHISE HOLDER, DISTRIBUTOR* ATAU *DEALER*

7.1 *Franchise Holder, Distributor* atau *Dealer* yang diluluskan oleh Menteri yang akan membuat pembelian kenderaan bermotor daripada pengilang berdaftar hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Pegawai Kanan Cukai Jualan:-

- (i) Borang permohonan sijil pengecualian cukai jualan;
 - (ii) Surat lantikan ejen yang dilantik oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri; dan
 - (iii) Surat makluman pembelian kenderaan bermotor oleh ejen yang dilantik untuk dibekalkan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri
- 7.2 Dokumen-dokumen di Para 7.1 hendaklah dikemukakan ke stesen mengawal. Stesen mengawal adalah Bahagian Cukai Dalam Negeri, Jabatan Kastam Diraja Malaysia di mana *Franchise Holder, Distributor* atau *Dealer* yang membeli daripada pengilang berdaftar itu mempunyai premis

perniagaannya. Penentuan stesen mengawal adalah berdasarkan poskod;

- 7.3 *Franchise Holder, Distributor* atau *Dealer* hendaklah mengemukakan sijil pengecualian cukai jualan kepada pengilang berdaftar semasa membuat pembelian;
- 7.4 *Franchise Holder, Distributor* atau *Dealer* yang membeli kenderaan bermotor daripada pengilang berdaftar hendaklah menyediakan Penyata Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Pembelian Kenderaan Bermotor Untuk Dibekalkan Kepada Ejen Yang Dilantik Oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri secara bulanan. Format penyata adalah seperti di Lampiran II;
- 7.5 Salinan penyata tersebut perlu dihantar kepada ejen yang dilantik untuk tujuan rekod;
- 7.6 Penyata yang lengkap hendaklah disimpan oleh syarikat dan tidak perlu dihantar kepada Bahagian CDN zon/ negeri yang mengawal. Walau bagaimanapun, *Franchise Holder, Distributor* atau *Dealer* hendaklah mengemukakan penyata tersebut untuk pemeriksaan sekiranya dikehendaki oleh pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa; dan
- 7.7 Sekiranya terdapat sebarang pindaan/pengemaskinian nama syarikat *Franchise Holder, Distributor* atau *Dealer*, pihak berkenaan perlu mengemukakan permohonan terus kepada Kementerian Kewangan.

8. LAMPIRAN

- LETTERHEAD SYARIKAT EJEN YANG DILANTIK -

Rujukan Kami :

Tarikh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri,**

Stesen Mengawal

Melalui,

Nama & Alamat Dealer/ Distributor/ Franchise Holder

Tuan,

**MAKLUMAN PEMBELIAN KENDERAAN BERMOTOR OLEH EJEN YANG DILANTIK
UNTUK DIBEKALKAN KEPADA JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU NEGERI**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan saya.....(nama ejen yang dilantik)..... dari syarikatadalah ejen yang telah dilantik oleh(nama Jabatan Kerajaan Persekutuan/ Negeri)..... untuk membeli kenderaan seperti berikut:-

Jenama Kenderaan :

Model Kenderaan :

No. Chasis :

No. Enjin :

*Sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi

3. Pembekalan kenderaan seperti di atas adalah melibatkan rantaian pembekalan (*supply chain*) seperti berikut:-

a) (peringkat pembekalan pertama)

b) (peringkat pembekalan kedua)

c) (peringkat pembekalan ketiga)

} (Nama Dealer / Distributor / Franchise Holder)

*Sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi

4. Saya mengesahkan harga pembekalan kenderaan bermotor ini adalah tidak termasuk cukai jualan mengikut terma dalam kontrak.

Sekian, terima kasih.

(EJEN YANG DILANTIK)

**PENYATA PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS PEMBELIAN KENDERAAN BERMOTOR UNTUK DIBEKALKAN KEPADA EJEN YANG
DILANTIK OLEH JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU NEGERI**

Nama *Distributor/ Franchise Holder/ Dealer* :

Nombor Pendaftaran Syarikat (BRN) :

Alamat Syarikat :

Bulan :2021

PERKARA		MAKLUMAT KENDERAAN BERMOTOR TERMASUK MOTORSIKAL				MAKLUMAT PEMBELIAN				MAKLUMAT PEMBEKALAN			
Bil.	No Sijil Pengecualian Butiran 5A	Jenama Kenderaan	Model Kenderaan	No. Chasis	No. Enjin	Nama Pembekal (Pengilang Berdaftar)	No. SST	Tarikh Invois	No. Invois	Nama Ejen yang dilantik oleh Jabatan	Nama Jabatan Kerajaan Persekutuan / Negeri	Tarikh kenderaan didaftarkan JPJ	No. Pendaftaran Kenderaan
1.													

Saya memperakui bahawa segala butir-butir maklumat yang dinyatakan adalah betul dan benar.

Tandatangan :

Cop Syarikat :

Nama pegawai yang diberi kuasa :

No. kad pengenalan :

Jawatan :

No. telefon / emel :

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA / ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT
AKTA CUKAI JUALAN 2018 / SALES TAX ACT 2018
PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH BUTIRAN 5A, JADUAL A PERINTAH CUKAI JUALAN
(ORANG YANG DIKECCUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018
APPLICATION FOR SALES TAX EXEMPTION UNDER ITEM 5A
SCHEDULE A, SALES TAX (PERSON EXEMPTED FROM PAYMENT OF TAX) ORDER 2018



Nota Penting (Important Notes)

- 1) Sila isikan borang ini dengan menaip menggunakan **HURUF BESAR**.
Please type in using **BLOCK LETTERS**.
- 2) Sila rujuk Garis Panduan Pengeccualian Cukai Jualan Di Bawah Butiran 5A, Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikeccualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.
Please refer to *Guideline of Sales Tax Exemption Under Item 5A, Schedule A, Sales Tax (Person Exempted From Payment Of Tax) Order 2018*.
- 3) Setiap ruangan adalah wajib diisi.
Every column is a mandatory field.
- 4) Sila hubungi Cawangan Kawalan Kemudahan, Bahagian Cukai Dalam Negeri di stesen mengawal untuk pertanyaan lanjut.
For further enquiry please contact Cawangan Kawalan Kemudahan, Bahagian Cukai Dalam Negeri at the controlling station.

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEMOHON
PART A : APPLICANT INFORMATION

<p>1. Nama / Name :</p> <p>2a. No. Telefon / Phone No.:</p> <p>2b. Alamat Emel / Email Address:</p> <p>3. No. Kad Pengenalan / Identity Card No. :</p> <p>4. Jawatan / Designation:</p>	<p>7. Tarikh Permohonan/ Application Date :</p> <p>8. Alamat / Address :</p>
<p>5. Nama Syarikat/ Firma: Name of Company/ Firm:</p>	
<p>6. No. Pendaftaran Cukai Jualan (jika berkenaan): Sales Tax Registration No. (if applicable):</p>	

BAHAGIAN B : MAKLUMAT ORANG YANG AKAN MENANDATANGANI SIJIL PENGECCUALIAN (seperti di ruang (5) Jadual A)

PART B : INFORMATION OF PERSON DESIGNATED TO SIGN EXEMPTION CERTIFICATE (as in column (5) Schedule A)

<p>9. Nama Pemohon: Name of Applicant:</p>	<p>10. No. KP Pemohon: IC No. of Applicant:</p>	<p>11. Jawatan: Designation:</p>
---	--	---

BAHAGIAN C : MAKLUMAT EJEN DILANTIK OLEH JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU NEGERI
PART C : INFORMATION OF APPOINTED AGENT OF FEDERAL OR STATE GOVERNMENT DEPARTMENT

<p>12. Nama Firma / Syarikat/ Agensi: Name of Firm / Company:</p>	<p>14. Alamat: Address:</p>
<p>13. No. Rujukan Surat Lantikan: Ref No. of Appointment Letter:</p>	

BAHAGIAN D : MAKLUMAT JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU NEGERI
PART D : INFORMATION OF FEDERAL OR STATE GOVERNMENT DEPARTMENT

<p>15. Nama Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri: Name of Federal or State Government Department:</p>	<p>17. Alamat: Address:</p>
<p>16. Vot Jabatan / Pesanan Tempatan Kerajaan/Pesanan Belian: Department Vote/ Government Local Order/ Purchase Order</p>	

BAHAGIAN E: PERIHAL KENDERAAN BERMOTOR
PART E: DESCRIPTION OF MOTOR VEHICLE

18. Bil. No.	18(a) No. Chasis Chasis No.	18(b) No. Enjin Engine No.	18(c) Jenama Brand	18(d) Model Model	18(e) Tahun Year	18(f) No. Pendaftaran (Jika Berkaitan) Registration No. (If applicable)	18(g) Nilai Anggaran (RM) Approximate Value

BAHAGIAN F : MAKLUMAT PENGILANG BERDAFTAR
PART F : INFORMATION OF REGISTERED MANUFACTURER

19. Nama Pengilang Berdaftar : Name of Registered Manufacturer :	21. Alamat : Address :
20. No. Pendaftaran Cukai Jualan : Sales Tax Registration No. :	

22. Saya memohon untuk membeli barang-barang dan pengecualian dituntut dibawah Butiran 5A Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Cukai Jualan) 2018 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Saya mengaku semua butiran yang diberikan adalah betul dan benar.

I request to purchase goods and claim exemption under Item 5A Schedule A, of Sales Tax (Person Exempted From Payment Of Sales Tax) Order 2018 subject to the conditions specified. I hereby declare that the above mentioned particulars are true and correct.

UNTUK KEGUNAAN RASMI / FOR OFFICIAL USE

23. Tarikh Kelulusan : Date of Approval :	24. No. Rujukan : Reference No.:	25. Tandatangan / Signature b.p Ketua Pengarah Kastam for Director General of Customs	Tarikh / Date
--	-------------------------------------	--	---------------

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 4 - 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

(i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Fax : 03-7806 7599
- Email: ccc@customs.gov.my